

# Malaysia tetap membangun di era transformasi kepemimpinan

UM 26 AUG 2005

PETALING JAYA 25 Ogos — Corak kepemimpinan transformasi yang diumumkan oleh pemimpin negara selama ini berjaya membawa Malaysia menjadi sebuah negara membangun yang maju dan disegani dunia.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, corak kepemimpinan yang berteraskan kepada perubahan itu ternyata amat berkesan dan membawa banyak kejayaan kepada negara.

“Malaysia bertuah kerana mempunyai pemimpin yang mempunyai pendekatan kepemimpinan seperti itu.

“Dan, hari ini kita telah menikmati hasil daripada corak kepemimpinan yang diamalkan oleh mereka itu,” katanya ketika berucap merasmikan pelancaran buku Menuju Wawasan 2020 di Kolej Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (KUT-KL), di sini hari ini.

Buku bergambar terbitan pelajar kolej universiti itu memaparkan kisah perjuangan keempat-empat Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad membangunkan negara semenjak negara mencapai kemerdekaan, 46 tahun lalu.

Ia juga memaparkan wawasan Dr. Mahathir yang mahu melihat Malaysia menjadi negara maju seperti terkandung dalam Wawasan 2020.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi KUTKL, Tan Sri Dr. Lim Kok Wing.

Najib berkata, corak Kepimpinan Transformasi yang menekankan kepada prestasi seseorang pemimpin adalah salah satu daripada empat corak kepemimpinan yang ada.

Tiga corak kepemimpinan lain ialah Kepimpinan Peralihan, Kepimpinan Popular dan Kepimpinan Karismatik.

Katanya, Kepimpinan Peralihan bersifat statik dan tidak melibatkan unsur-unsur perubahan.

Kepimpinan Popular pula katanya, hanya bergantung kepada sokongan masyarakat manakala Kepimpinan Karismatik menitikberatkan kepada seseorang untuk menonjolkan kemampuan diri.

Kepimpinan seperti itu katanya, banyak lahir sebelum merdeka apa-

bila wujud kumpulan yang cuba bangkit bagi memperjuangkan hak masing-masing.

“Pemimpin seperti ini cemerlang dalam kegiatan gerila atau revolusi tetapi lemah dalam pentadbiran, sekali gus akan menimbulkan masalah kepada negara,” katanya.

Najib berkata, pemimpin yang mengamalkan corak Kepimpinan Transformasi akan bertindak sebagai agen kepada perubahan.

“Pemimpin seperti ini mempunyai keupayaan untuk meyakinkan masyarakat dan membawa masyarakat kepada perubahan yang ingin dilakukannya,” katanya.

Najib berkata, selain kemampuan untuk meneruskan dasar-dasar sedia ada serta merancang dan melaksanakan program-program pembangunan jangka panjang, masa depan negara juga bergantung kepada pemimpin yang mampu mengamalkan corak kepemimpinan seperti itu.